

OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU ANJURAN MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (MBMB)

13 Oktober 2022, MELAKA- Pasukan Unit Penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menyertai Operasi Penguatkuasaan Bersepadu ke atas dua premis industri masing-masing di Kawasan Perindustrian Taman Teknologi Cheng dan Kawasan Perindustrian Bukit Rambai, Melaka. Operasi yang dijalankan pada 11 Oktober 2022 ini turut disertai oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Invest Melaka. Operasi kali ini memfokuskan penguatkuasaan Peraturan - Peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Susulan daripada operasi ini, dua arahan dilapangan telah dikeluarkan kepada premis yang terlibat.

#JabatanAlamSekitar

#JasMelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama

#KementerianAlamSekitarDanAir